

Anak doa kebahagiaan

BH-10/6/2007

Kamaluddin gembira kehadiran orang baru dalam keluarga

Oleh Wan Hazmir Bakar, Azrina Ahzan dan Haika Khazi

PUTRAJAYA: Anak Perdana Menteri, Datuk Kamaluddin Abdullah menyatakan rasa gembira majlis pernikahan bapanya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Datin Seri Jeanne Abdullah, di Kompleks Seri Perdana, di sini, semalam, berjalan lancar.

"Saya dan isteri berasa gembira bagi pihak bapa saya kerana menerima isteri baru dan ahli keluarga baru dalam keluarga kami," katanya selepas menziarahi pusara ibunya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood, bersama Abdullah, Jeanne dan ahli keluarga terdekat, di Taman Selatan, di sini petang semalam.

Anak perempuan Jeanne, Nadene Kimie Othman, 27, menyatakan rasa gembira kerana majlis pernikahan itu berjalan lancar dan mendoakan kebahagiaan ibunya dan Abdullah.

Ditanya perasaan ibunya sebelum majlis pernikahan itu, Nadene berkata, pada mulanya ibunya kelihatan tenang tetapi agak gementar sebaik dibawa ke surau sebelum dinikahkan.

Pemangku Imam Masjid Putrajaya, Abd Manaf Mat, yang menjadi jurunikah pasangan kehormat itu, berkata Abdullah kelihatan tenang ketika dinikahkan dengan Jeanne.

"Sebenarnya, saya yang gementar kerana ini adalah kali pertama saya menikahkan seorang Perdana Menteri. Pak Lah amat tenang ketika dinikahkan dan dengan sekali lafaz saja beliau sah menjadi suami kepada Datin Seri Jeanne," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, di **BANDAR SERI BEGAWAN**, *Bernama* melaporkan, Abdullah akan menghadiri Majlis Persantapan Diraja sempena perkahwinan Puteri Sultan Brunei, Anak Puteri Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Pengiran Khairul Khalil Pengiran Syed Jaafar di Bandar Seri Begawan, esok.

Sumber rasmi memberitahu, Abdullah yang diiringi isteri, dijangka tiba pada petang hari berkenaan menggunakan pesawat khas.



PENGANTIN BARU: Abdullah bersama Jeanne selepas melangsungkan upacara akad nikah di kediaman rasmi Perdana Menteri, semalam.